

Ruj. Kami : AHG LI/2019/01
Ruj. Tuan :
Tarikh : 25 Jun 2019

KEPADA SESIAPA BERKENAAN

Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

TAWARAN UNTUK MENJALANKAN LATIHAN INDUSTRI

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Adam Hawa Garden Holdings Sdn. Bhd ada menyediakan kemudahan Latihan Industri/ Praktikal kepada pelajar IPTA/ Swasta dalam bidang berikut:

- (i) Bidang Pertanian
- (ii) Bidang Multimedia
- (iii) Bidang Perakaunan
- (iv) Bidang Pemasaran

3. Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia.
- (ii) Pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPTA/Swasta dalam dan luar negara.
- (iii) Tempoh latihan industri/ praktikal adalah mengikut tarikh yang ditetapkan oleh IPTA/Swasta.
- (iv) Pelajar dikehendaki menjalankan latihan industri/praktikal mengikut waktu operasi yang ditetapkan oleh syarikat.
- (v) Syarikat bersetuju untuk membayar elaun latihan industri/praktikal sebanyak RM15 sehari bekerja.


4. Cara-cara permohonan adalah seperti berikut:

- (i) Calon perlu melengkapkan borang permohonan yang disediakan oleh institusi pengajian masing-masing.
- (ii) Calon perlu menyediakan resume terkini.

5. Dokumen yang telah lengkap diisi serta resume terkini boleh dihantar menerusi email adamhawagarden@gmail.com untuk tindakan selanjutnya. Sebarang kemusykilan dan pertanyaan lanjut, pihak tuan bolehlah menghubungi En. Mohd Nizam bin Md Nor di talian 012-9633403.

6. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan, saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(Mohd Nizam bin Md Nor)

Pengurus

Adam Hawa Garden Holdings Sdn Bhd